



13 Jun 2016
13 June 2016
P.U. (A) 165

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PENAJAAN ACARA TERSOHOR) 2016

INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE SPONSORSHIP OF HALLMARK EVENT) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PENAJAAN ACARA
TERSOHOR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penajaan Acara Tersohor) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2008.

Orang yang layak

2. Orang yang layak yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia; atau

(b) seseorang individu yang mempunyai punca perniagaan di Malaysia dan bermastautin di Malaysia,

yang menaja suatu acara tersohor.

Acara tersohor

3. (1) Acara tersohor yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah acara yang signifikan pada peringkat kebangsaan, serantau atau antarabangsa yang—

(a) dijalankan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada atau selepas 13 Jun 2008 dan tidak lewat daripada 31 Disember 2020; dan

(b) diluluskan oleh Menteri.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), “Wilayah Ekonomi Pantai Timur” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [*Akta 688*].

Potongan

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang layak daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun yang bersamaan dengan apa-apa sumbangan wang tunai atau sumbangan berbentuk barangan yang dibuat oleh orang yang layak itu berhubung dengan suatu acara tersohor.

(2) Permohonan untuk potongan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat oleh orang yang layak kepada Menteri melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada atau selepas 13 Jun 2008 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020 dan orang yang layak itu hendaklah mengemukakan surat daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mengesahkan—

(a) bahawa acara itu ialah acara tersohor;

(b) tarikh acara tersohor itu;

(c) penganjur acara tersohor itu; dan

(d) amaun sumbangan wang tunai atau sumbangan berbentuk barangan yang dibuat berhubung dengan acara tersohor itu.

(3) Nilai bagi sumbangan berbentuk barangan yang disebut dalam perenggan (2)(d) hendaklah ditentukan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.